| **Peraduan Media Sosial #SiapaHeroAnda** |
| --- |
| **Terma & Syarat** |

**Tempoh Peraduan**
**29 Oktober 2026 – 30 November 2026**

1. Penganjur
   **Peraduan Media Sosial #SiapaHeroAnda** ("**Peraduan**") dianjurkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** ("**PruBSN**", "**kami**" atau "**milik kami**"). Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta Dasar Privasi PruBSN yang boleh didapati di https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-and-policy/.

2. Tempoh Peraduan
   29 Oktober 2026 hingga 30 November 2026 (kedua-dua tarikh adalah termasuk).

3. Kelayakan
   a) Peraduan ini terbuka kepada individu yang:
      - merupakan warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas;
      - mempunyai akaun media sosial awam yang sah; dan
      - melengkapkan semua langkah penyertaan yang dinyatakan di Klausa 4 dalam Tempoh Peraduan.

   (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta Layak")

   b) Individu berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:
      - pekerja, pengarah dan kakitangan sementara PruBSN;
      - perunding takaful (ejen) PruBSN;
      - vendor, kontraktor dan rakan kongsi perniagaan yang terlibat secara langsung dalam menganjurkan Peraduan ini; dan
      - ahli keluarga terdekat individu-individu di atas.

4. Mekanik Peraduan
   a) Untuk layak memenangi Hadiah, Peserta Layak mesti:
      - mengikuti (follow) akaun media sosial rasmi PruBSN;
      - Like dan Share posting Peraduan ini;
      - menonton video yang dipinkan;
      - menjawab di ruangan komen posting Peraduan ini: "Mereka adalah hero dalam kisah mereka. Siapa pula hero dalam hidup anda? Tag 1 hero anda dan kongsikan mengapa mereka begitu bermakna buat anda.";
      - menggunakan hashtag #PruBSN20Tahun #SiapaHeroAnda dalam komen;
      - mengemukakan satu (1) penyertaan komen sahaja; dan
      - memenuhi semua syarat kelayakan.

b) Seramai dua puluh tiga (23) pemenang akan dipilih daripada semua penyertaan sah yang diterima dalam Tempoh Peraduan.
c) Setiap Peserta Layak berhak menerima satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Peraduan.
d) Penyertaan yang berganda, tidak lengkap, menipu atau automatik adalah tidak sah.

5. Hadiah
   a) Pemenang akan menerima hadiah berikut (setiap satu "**Hadiah**"):
      - **Hadiah Utama** (1 pemenang): Nespresso Vertuo Pop & Aeroccino Bundle dan dua (2) tiket VIP ke tayangan premier BoBoiBoy Live Show: Misi Rekrut Tapops ("**Tayangan Premier**") pada 17 Disember 2026, 5.00 petang;
      - **Hadiah #2** (1 pemenang): Ninja CRISPi® 4-in-1 Portable Glass Air Fryer dan dua (2) tiket VIP ke Tayangan Premier;
      - **Hadiah #3** (1 pemenang): Shokz OpenRun Pro 2 dan dua (2) tiket VIP ke Tayangan Premier; dan
      - **Hadiah Sagu Hati** (20 pemenang):
        i. tujuh (7) pemenang masing-masing akan menerima satu (1) baucar Shopee bernilai RM30 dan dua (2) tiket CAT 1 ke Tayangan Premier; dan
        ii. tiga belas (13) pemenang masing-masing akan menerima satu (1) baucar Shopee bernilai RM30.
   b) Hadiah:
      - tidak boleh dipindahkan milik;
      - tidak boleh ditukar dengan wang tunai; dan
      - boleh digantikan oleh PruBSN dengan item yang setara nilainya jika perlu.
   c) Tiket VIP ke Tayangan Premier tidak termasuk Jam Projektor dan Kad VIP Tapops.
   d) Tiket hanya sah untuk Tayangan Premier pada 17 Disember 2026, 5.00 petang. PruBSN tidak bertanggungjawab atas sebarang perubahan, penangguhan atau pembatalan Tayangan Premier oleh penganjurnya.

6. Pengesahan & Pemberitahuan
   a) PruBSN akan mengesahkan Peserta Layak selepas Tempoh Peraduan tamat.
   b) Peserta yang berjaya akan dimaklumkan melalui mesej terus (DM) dari akaun media sosial rasmi PruBSN atau mana-mana saluran komunikasi yang ditentukan oleh PruBSN, dan boleh diumumkan di akaun media sosial rasmi PruBSN.
   c) Pemenang mesti membalas pemberitahuan PruBSN dan memberikan maklumat yang diperlukan untuk penghantaran Hadiah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan, jika tidak Hadiah tersebut akan dilucuthakkan dan PruBSN boleh menganugerahkannya kepada peserta lain mengikut budi bicaranya.
   d) Keputusan PruBSN mengenai kelayakan dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Tiada rayuan akan dilayan.

7. Tanggungjawab Peserta
    a) Peserta bertanggungjawab memastikan bahawa akaun media sosial mereka kekal awam sehingga pemenang diumumkan dan butiran hubungan mereka yang diberikan kepada PruBSN adalah tepat.
    b) PruBSN tidak bertanggungjawab sekiranya Hadiah tidak dapat dihantar disebabkan maklumat yang tidak tepat atau lapuk.

8. Penipuan & Diskualifikasi
    a) PruBSN berhak mendiskualifikasikan mana-mana peserta yang:
        - menghantar penyertaan berganda;
        - memberikan maklumat palsu atau mengelirukan;
        - memanipulasi proses Peraduan;
        - menggunakan akaun palsu, berganda atau automatik;
        - menyiarkan sebarang komen yang menyinggung, memfitnah, diskriminatif atau tidak sesuai, sebagaimana ditentukan oleh PruBSN;
        - melanggar Terma dan Syarat ini.

9. Data Peribadi
    a) Data peribadi akan diproses mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”) dan Dasar Privasi PruBSN.
    b) Penyertaan Peraduan boleh dianalisis secara agregat untuk menambah baik produk, perkhidmatan dan pengalaman pelanggan PruBSN.
    c) Dengan menyertai Peraduan ini, peserta memberikan PruBSN hak bukan eksklusif dan bebas royalti untuk memaparkan, menyiarkan semula dan menghasilkan semula komen dan nama pengguna Instagram mereka di saluran rasmi PruBSN bagi tujuan yang berkaitan dengan Peraduan ini. Peserta mengesahkan bahawa mereka telah mendapat persetujuan individu yang mereka tag untuk berbuat demikian.
    d) Peserta Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Peraduan ini adalah tertakluk kepada PDPA. Peserta Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.

10. Am
    a) Peserta Layak hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-penyuapan dan anti-rasuah yang terpakai, termasuk US Foreign Corrupt Practices Act, UK Bribery Act, Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan sebarang peraturan serta panduan yang berkaitan. PruBSN berhak mendiskualifikasikan penyertaan mana-mana Peserta Layak tanpa notis sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang berkaitan penyertaan Peserta Layak dalam Peraduan ini.
    b) Walau apa pun yang bertentangan yang terkandung dalam Peraduan ini,

i. Jika PruBSN mengetahui atau dimaklumkan bahawa Peserta Layak tersenarai dalam mana-mana senarai Sekatan, atau diancam akan ditambahkan ke dalam mana-mana senarai Sekatan*; atau

ii. Jika PruBSN boleh didapati melanggar obligasi Sekatan akibat Peraduan ini,

iii. PruBSN hendaklah mendiskualifikasikan Peserta Layak dengan serta-merta dan mengambil sebarang tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaklumkan mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan tanpa liabiliti.

*"**Sekatan**" merujuk kepada sebarang langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Office of Foreign Assets Control Jabatan Perbendaharaan AS dan Hong Kong Monetary Authority.

iv. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausa 10(b) ini, dan keupayaan PruBSN untuk menuntut terhadap Peserta Layak bagi sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN akibat operasi Klausa 10(b) ini, akan kekal berkuat kuasa selepas penamatan atau tamat tempoh Peraduan ini.

c) PruBSN berhak membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan sebelum tamat Tempoh Peraduan, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Peraduan oleh PruBSN tidak melayakkan Peserta Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut.

d) PruBSN berhak menambah, memadam, atau mengubah Terma dan Syarat Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Peserta Layak. Kaedah pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara munasabah PruBSN, yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman di laman web atau laman media sosial PruBSN, paparan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau mana-mana cara lain yang ditentukan oleh PruBSN.

e) Terma dan syarat di sini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

f) Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.